

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Harian Metro Online

TARIKH : Khamis, 11 Januari 2018



### Hormati kesultanan Melayu - Tengku Mahkota Pahang



Idris Musa  
idris@hmetro.com.my

PEMANGKU Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah mahu pemimpin dan orang Melayu terus menghormati dan mendukung institusi kesultanan Melayu.

Baginda melahirkan kerisauan memandangkan ada pihak tidak dikenal pasti cuba mengambil peluang, salah guna serta salah tafsir dengan keakraban institusi kesultanan.

Menurut baginda, oleh kerana tindakan segelintir minoriti terbabit, ia menjejaskan nama baik institusi kesultanan yang sudah lama bertapak di negeri dan negara ini.

"Berilah penghormatan sewajarnya kepada pihak institusi diraja, kerana kalau kita orang Melayu tidak mengambil berat, tidak memberi penghormatan, siapa lagi?"

"Ya, saya tahu ada lagi kaum lain yang sudah pun nampak hendak berapat-rapat mengeratkan silaturahim, tetapi tunjang raja Melayu ialah orang Melayu sendiri."

"Janganlah kita cepat melatah, menjejaskan keharmonian, keakraban antara insitusi diraja bersama orang Melayu. Saya sentiasa berdoa dan mengharapkan pemimpin daripada institusi Melayu, apa nama sekalipun, apa warnanya akan kembali mendukung institusi kesultanan diraja," titah baginda.

Titah baginda itu sempena Majlis Pelancaran Buku Istana Pahang: *The Palace Of Pahang* dan Pelancaran *Revisit Pahang Year 2018*, di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, hari ini.

Hadir sama, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Nazri Aziz dan Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob. Menyentuh mengenai *Revisit Pahang*, Tengku Abdullah bertitah, satu lonjakan besar perlu dilakukan bagi menarik lebih ramai pelancong ke negeri itu.

"Kalau kita dapat memberi fokus kepada satu atau dua kawasan sebagai satu tarikan yang cukup berlainan, mungkin ini akan menjadi satu tempat yang menjadi buah mulut kepada pelancong," katanya.

Baginda juga menarik perhatian berkenaan kawasan dilanda banjir di negeri itu yang mungkin boleh dijadikan sebagai tumpuan.

"Mungkin kita boleh jadikan kawasan banjir sebagai satu tarikan. Kepada mereka yang berada dalam negara kita, bolehlah datang melawat kawasan banjir dan membantu. Ini boleh juga menjadi satu tarikan kalau dibuat dengan sebaik mungkin," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Khamis, 11 January 2018 @ 10:10 PM